

02 DEC 1997

LIMA-Kereta

SEBANYAK 10 SYARIKAT BERMINAT KEPADA "ELEKSURIA"

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Sebanyak 10 buah syarikat berminat untuk menempah kereta elektrik pertama buatan Malaysia, Eleksuria yang dikeluarkan oleh Perusahaan Otomobil Elektrik Malaysia (POEM).

Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad (TNB) Datuk Dr. Ahmad Tajuddin Ali berkata Malaysia Airports Berhad, Penerbangan Malaysia (MAS) dan sebuah kelab golf merupakan antara syarikat yang berminat membeli Eleksuria yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam.

Syarikat itu berminat menempah jumlah yang banyak untuk kegunaan masing-masing, katanya kepada pemberita selepas menyaksikan pertunjukan udara Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '97) hari ini.

POEM mempamerkan 10 buah Eleksuria di samping sebuah kereta antik pada pameran udara di hadapan Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di Padang Matsirat dengan mendapat perhatian para pengunjung.

Kereta jenis "buggy" itu merupakan rekaan bercirikan Malaysia hasil usahasama Tenaga Nasional dan Frazee-Nash Research Ltd (FN) dari United Kingdom.

Ahmad Tajuddin berkata kereta itu dijangka berharga kira-kira RM40,000 sebuah.

Beliau berkata penggunaan kuasa elektrik sebagai ciri utamanya menjadikan Eleksuria sesuai untuk kegunaan ringan dan rekreasi dengan menggunakan lebih 50 peratus komponen tempatan.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie ketika berkunjung ke pameran kereta itu berkata Eleksuria sesuai digunakan oleh rakyat Malaysia.

-- BERNAMA

ZI NH NMO